

Ahli Kelab Wardah lawat Hospital Tuanku Jaafar

PRIHATIN. Seramai 18 orang ahli Kelab Kakitangan Wanita dan Isteri Kakitangan, Universiti Sains Islam Malaysia (Kelab Wardah USIM) mengadakan lawatan ke Wad Pediatrik di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Exco Biro Kebajikan Kelab Wardah USIM, Nor Haizan Shaari berkata, lawatan itu diadakan



Komuniti Kita

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my.

dengan hasrat untuk menzahirkan rasa prihatin ahli kelab itu terhadap kesukaran yang dihadapi oleh para pesakit dan keluarga mereka sepanjang berada di hospital.

"Pihak kami turut memberi sumbangan kepada 56 orang pesakit di wad itu dan berharap sumbangan ini dapat mengembirakan mereka terutama yang perlu menjalani rawatan untuk jangka masa panjang," katanya.



AHLI Kelab Wardah USIM bergambar bersama-sama kakitangan wad pediatrik ketika lawatan ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban baru-baru ini.